

→ BENCANA

Dua kereta terperosok lubang hakisan tanah



Dua buah kenderaan yang terperosok dalam kejadian hakisan tanah masih berada di tempat kejadian di Flet Midah Ria, Cheras, semalam.

→ Saliran pecah bawah tanah dipercayai punca mendapan

Oleh Fazrik Kamarudin
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Dua kenderaan milik penghuni Flet Midah Ria, Taman Midah 8A, Cheras, di sini, terperosok ke dalam lubang yang terbentuk disebabkan hakisan tanah di bahagian depan blok rumah mereka, awal pagi semalam.

Ketua Operasi Skuad Penyelamat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



Kami percaya hujan lebat selama hampir tiga jam awal pagi semalam turut menyumbang kepada pergerakan tanah terbabit”

Shahrdil Mohd Yusop,
Ketua Operasi PDBKL

(SPDBKL), Sarjan Shahrdil Mohd Yusop, berkata siasatan awal mendapati kejadian jam 6.30 pagi itu berpunca daripada pergerakan tanah yang disebabkan aliran air daripada saluran air yang pecah.

Katanya, pihaknya percaya hujan lebat selama hampir tiga jam awal pagi semalam turut menyumbang kepada pergerakan tanah terbabit.

“Keluasan kawasan yang terjejas dianggarkan 22 x 23 kaki persegi dan kami akan terus melakukan pemantauan di kawasan kejadian.

Kes hakisan

“Kes ini diklasifikasikan sebagai kes hakisan dan mendapan tanah. Siasatan penuh akan dijalankan segera bersama Jabatan Pengairan dan Saliran bagi mencari punca sebenar kejadian,” katanya kepada BH ketika ditemui di lokasi.

Shahrdil berkata, ketika terjadi

an ada lima kereta yang diletakkan berhampiran kawasan yang terhakis, tetapi tiga daripada kenderaan itu sempat dialihkan, manakala dua lagi kenderaan terperosok ke dalam kawasan hakisan.

“Setakat ini, kami tidak mengeluarkan sebarang amaran kepada penduduk flet terbabit dan kawasan yang terjejas sudah ditutup kepada orang awam bagi tujuan pengawasan dan siasatan,” katanya.

Pemilik kenderaan yang terperosok, Wan Fatimah Wan Long, 28, berkata dia menerima panggilan yang memaklumkan kejadian berkenaan pada jam 6.35 pagi.

“Saya terima panggilan daripada tempat kerja saya, yang memberitahu kereta saya terjatuh ke dalam lubang. Mungkin ada penduduk yang ternampak kejadian itu memaklumkan tempat kerja saya kerana di kereta saya ada ditampal pelekat Pusat Perubatan Universiti

Kebangsaan Malaysia (PPUKM).

“Saya tinggal di flet ini hampir 12 tahun dan tidak pernah menyangka kejadian ini akan berlaku. Mungkin hujan lebat sejak jam 3 pagi menyebabkan kawasan parkir itu mendap dan terhakis,” katanya.

Lubang besar di kawasan parkir

Sementara itu, sepasukan tujuh anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Tun Razak bergegas ke lokasi kejadian sebaik menerima panggilan pada jam 6.46 pagi.

Jurucakap Bomba dan Penyelamat berkata, sebaik tiba di lokasi, mereka mendapati satu lubang besar terbentuk di sebelah kiri kawasan parkir flet berkenaan dengan dua kenderaan terperosok ke dalam lubang.

Anggota bomba terus berada di lokasi kejadian untuk memantau keadaan dan memaklumkan kejadian itu kepada SPDBKL.